

CNS0398
U GB 21-01 00190 BH942
BAH

Mahathir - Publisiti
PUBLISITI BERGUNA KEPADA MALAYSIA, KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, publisiti yang diberikan oleh majalah antarabangsa kepada Malaysia sangat berguna dalam menyampaikan maklumat tentang peluang pelaburan yang terdapat di sini kepada para pelabur.

Ketika berucap pada pelancaran promosi antarabangsa Wawasan 2020 oleh majalah Newsweek International di sini, beliau berkata, publisiti itu akan juga berfaedah untuk menggalakkan pelancongan yang kini menjadi sebuah industri penting di Malaysia sejak 1990.

Edisi 25 Jan majalah itu yang memuatkan perlantikan Bill Clinton sebagai Presiden Amerika Syarikat, menyiarkan rencana khas setebal 40 muka bertajuk "Malaysia - Forward to 2020" termasuk temuramah dengan Dr Mahathir dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berwawasan, Perdana Menteri berkata, semua rakyat Malaysia berminat untuk merealisasikan wawasan itu.

"Banyak kerja perlu dilakukan, banyak yang telahpun dijalankan tetapi lebih banyak lagi kerja perlu dilakukan dan publisiti yang kami terima sangat berguna untuk memberitahu para pelabur mengenai Malaysia dan peluang-peluang yang terdapat di sini," kata beliau. -- Lagi.

▼21/01/20-31MST

CNS0415

U GB 21-01 00207 BH945

BAH

Mahathir - Publisiti 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sambil menyatakan tertarik hatinya dengan liputan Newsweek dan sokongan yang diberikan, Dr Mahathir berkata, Malaysia telah mencapai satu kejayaan daripada segi publisiti kerana ia telah dimuatkan bersama dengan perlantikan Clinton.

Beliau yakin liputan itu akan membantu ke arah memperkenalkan atau menjadikan negara ini lebih terkenal kepada lebih ramai penduduk terutama di Asia kerana menurutnya Malaysia merupakan negara yang kurang terkenal di kalangan negara-negara Asean.

Presiden Newsweek International, Peter J. Luffman, dalam ucapannya berkata, majalah itu telah mengiktiraf bahawa Malaysia kini bukan sahaja negara utama dalam arena serantau tetapi arena sejagat kerana ia telah menjadi sebuah tenaga antarabangsa yang harus diberi perhatian.

Beliau berkata, rencana khas itu adalah promosi terbesar bagi sesebuah negara pernah dibuat oleh majalah itu di rantau Asia-Pasifik.

Edisi tersebut, dalam bahasa Inggeris dan Jepun, akan juga diedarkan bersama edisi Hong Kong, Singapura dan Malaysia Newsweek Asia dan dalam edisi Jepun Nihon Ban dengan pengedaran berjumlah 210,000 naskhah.

Luffman berkata, Newsweek merancang mengadakan promosi Malaysia di Eropah, yang akan dicetak akhir tahun ini.

Rencana khas itu diselaraskan oleh Malaysian Design Marketing Sdn Bhd pimpinan Marina Mahathir dan wakil Newsweek, Mediaplus (M) Sdn Bhd. -- Bernama.

▼21/01/20-55MST